



## KOMITMEN MENENTANG SOGOKAN DAN RASUAH

Pelanggan dan Pemegang Taruh yang Dihormati,

Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSSH) merupakan sebuah agensi di bawah Kementerian Sumber Manusia yang ditubuhkan untuk menyediakan latihan, khidmat rundingan, penyelidikan dan pembangunan serta penyebaran maklumat dalam bidang Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (KKP). NIOSSH menyokong penuh usaha antirasuah Kerajaan, Kementerian, dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dengan memperkukuhkan tadbir urus korporat serta menerapkan amalan perniagaan yang beretika dalam kalangan lembaga pengarah, pengurusan, warga kerja, pelanggan, vendor dan pemegang taruh untuk mematuhi undang-undang antirasuah.

Rasuah didefinisikan sebagai tindakan meminta, menerima, menawar atau memberi sogokan sebagai upah atau dorongan kepada seseorang individu untuk melakukan atau tidak melakukan sesuatu perbuatan yang berkaitan dengan tugas rasmi. Dengan penguatkuasaan undang-undang baharu, Seksyen 17(A) Akta SPRM 2009 (Pindaan 2018), yang dikenali sebagai Liabiliti Korporat, mulai 1 Jun 2020, organisasi komersial boleh didakwa atas kesalahan rasuah. Sebagai langkah proaktif, NIOSSH telah memperoleh pensijilan ISO 37001:2016 Sistem Pengurusan Antirasuah untuk menggalakkan pelaksanaan aktiviti perniagaan dengan integriti, tanpa rasuah, serta mempromosikan tadbir urus yang baik.

NIOSSH mengamalkan pendekatan "TOLERANSI SIFAR" terhadap sogokan dan rasuah serta komited untuk bertindak secara profesional, adil dan berintegriti dalam semua urusan dan hubungan perniagaan. Selaras dengan itu, kami memohon kerjasama anda untuk mengekalkan standard etika tertinggi dalam semua urusan perniagaan dengan NIOSSH. Pelaksanaan dasar ini mencerminkan tanggungjawab dan komitmen kami dalam memberikan perkhidmatan terbaik secara telus dan adil kepada pelanggan serta pemegang taruh NIOSSH.

Bagi memastikan pematuhan terhadap dasar ini, kami memohon anda untuk mematuhi peruntukan undang-undang semasa menjalankan aktiviti perniagaan dengan NIOSSH. Jika anda dihubungi oleh mana-mana warga kerja NIOSSH yang meminta sebarang bentuk sogokan atau rasuah, sila laporkan perkara tersebut kepada Unit Integriti & Governans (IGU) atau melalui saluran pelaporan sulit NIOSSH di alamat e-mel [whistleblower@niosh.com.my](mailto:whistleblower@niosh.com.my).

Kami ingin mengingatkan bahawa sebarang ketidakpatuhan terhadap peruntukan undang-undang boleh mengakibatkan tindakan tegas diambil terhadap anda atau kakitangan anda, termasuk menyerahkan perkara tersebut kepada SPRM untuk tindakan lanjut.

NIOSSH menghargai kerjasama anda dan berharap dapat meneruskan hubungan perniagaan profesional yang berlandaskan integriti serta sokongan terhadap ISO 37001:2016 Sistem Pengurusan Antirasuah.

Terima kasih.

Yang benar,

**HAJI AYOP BIN SALLEH**  
Pengarah Eksekutif  
NIOSSH